

WARTA DELIMA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU 5
JALAN JENIANG, 08300 GURUN, KEDAH DARUL AMAN
TEL: 04-4680018 FAKS : 04-4680549
Email : smkbtlima.ppdkmy@gmail.com

*Untuk Edaran Dalam Sahaja

Bil. 1/2013

JANUARI

9 Pelajar SMK Batu 5 Peroleh 8A dalam PMR 2012

Oleh Nooriswana Abdullah dan Nur Ashiken Roseland (3A2)



PELAJAR 8A PMR 2012 menunjukkan slip keputusan masing-masing dengan bangga.

SMK Batu 5 – Pada tanggal 19 Disember 2012, keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) telah diumumkan. 9 orang pelajar SMK Batu 5 telah memperoleh keputusan cemerlang, iaitu 8A dan sebanyak 13 orang pelajar memperoleh 7A.

Pelajar yang memperoleh 8A ialah Nurul Aiza Nasirudin, Aswad Ayob, Mohd Irfan Khodri, Mazlinda Mazalan, Anis Nabilah Ahmad Fuad, Lina Farhana Mohd Noor, Nurul Wadihah Umairah Abd Kadir, Narvin a/l Hananda Rao dan Muhammad Amirul Aizat Jaafar.

Menurut Tuan Pengetua SMK Batu 5, En Abd Aziz Selaiman, keputusan PMR pada tahun ini adalah yang terbaik dan amat membanggakan pihak sekolah. Beliau berharap agar lebih banyak pelajar akan mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan PMR tahun 2013.

Tahniah diucapkan kepada semua pelajar cemerlang yang telah mengharumkan nama SMK Batu 5!

Pendaftaran Pelajar Tingkatan 1 Tahun 2013

Oleh Nurul Aqmalia Mat Puat dan Nurul Afifah Mohd Ali (1A1)

SMK Batu 5 – 238 orang pelajar tingkatan 1 telah mendaftar di SMK Batu 5 pada 30 Disember 2012 yang lalu.

Majlis pendaftaran dimulakan dengan ucapan selamat datang daripada Ketua Pelajar SMK Batu 5, Nur Afiqah Mohd Hazri. Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Tuan Pengetua SMK Batu 5, Encik Abd Aziz Selaiman. Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Puan Sorianey A. Hamid telah menyampaikan taklimat tentang perjalanan majlis pendaftaran pelajar tingkatan 1.

Rata-rata pelajar baharu tersebut kelihatan gembira dan teruja untuk memulakan sesi persekolahan mereka pada 1 Januari 2013.



WARIS DAN PELAJAR tingkatan 1 menunggu giliran untuk urusan pendaftaran.

Pendaftaran dan Orientasi Pelajar Asrama Berjalan Lancar

Oleh Nur Syafiqah Mazlan dan Umi Najwa Salleh (3A2)

SMK Batu 5 – Pendaftaran pelajar asrama telah diadakan pada 31 Disember 2012 yang lalu.

Pendaftaran ini telah diuruskan oleh warden asrama. Para waris juga telah memberikan kerjasama yang baik semasa mendaftarkan anak mereka.

Majlis pendaftaran pelajar asrama mendapat sambutan yang menggalakkan, sama ada daripada pelajar senior mahupun pelajar baharu. Terdapat juga pelajar asrama tahun 2012 yang tidak mendapat tawaran ke asrama pada tahun 2013 atas sebab-sebab tertentu, contohnya mereka terlibat dalam kes disiplin.

Seterusnya, para waris juga diberi peluang untuk melawat ke kamar anak masing-masing. Kebanyakan mereka kelihatan kagum apabila melihat keceriaan dan kebersihan kamar anak-anak mereka.

Selepas itu, orientasi pelajar asrama tingkatan 1 dikendalikan oleh pengawas-pengawas asrama selama empat hari bermula pada 31 Disember 2012 dan berakhir pada 3 Januari 2013.

Orientasi Pelajar Tingkatan 1

Oleh **Nurul Aqmalia Mat Puat dan Nurul Afifah Mohd Ali (1A1)**

SMK Batu 5 – Program orientasi pelajar tingkatan 1 telah dijalankan dengan lancar. Program ini telah diadakan dari 1 Januari hingga 3 Januari.

Program ini diadakan di Dewan Seri Delima. Program ini diadakan bagi melahirkan pelajar yang mempunyai motivasi dan berdisiplin.

Antara program yang dijalankan ialah sesi taklimat oleh guru disiplin dan kaunselor pelajar. Pelajar juga telah dibawa di sekitar kawasan sekolah untuk menyesuaikan mereka dengan persekitaran baharu.

Program ini dijalankan dengan kerjasama pihak pentadbir, guru-guru dan pelajar. Penghargaan perlu diberikan kepada dua orang kaunselor pelajar, Puan Fuziyah Ismail dan Cik Fazirah Awang yang sentiasa bersama dengan pelajar sepanjang sesi orientasi dijalankan.

Orientasi Pelajar Tingkatan 4

Oleh **Muhammad Hazwan Zamri (4KJ)**

SMK Batu 5 – Program Orientasi Pelajar Tingkatan 4 telah dijalankan dengan jayanya pada 6 Januari hingga 8 Januari di Dewan Seri Delima.

Antara aktiviti yang dijalankan semasa orientasi tersebut ialah taklimat dan ceramah tentang pakej-pakej mata pelajaran yang ditawarkan.

Menurut kaunselor pelajar, Puan Fuziyah Ismail, majlis ini diadakan untuk memberikan pendedahan tentang pakej-pakej mata pelajaran yang ditawarkan supaya pelajar tingkatan 4 dapat memilih pakej yang betul berdasarkan kelulusan dan minat masing-masing.

Majlis orientasi ini dapat dijalankan dengan lancar hasil kerjasama semua pihak yang terlibat.

Warta Delima diterbitkan sebulan sekali. Para pelajar dialu-alukan menyumbang apa-apa berita yang berlaku di sekolah. Berita boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Hantarkan berita anda sama ada bertulis tangan atau e-melkan kepada Guru Cemerlang Bahasa Melayu, En. Zamri Salleh:
zamrisalleh.smkbt5@gmail.com

Guru Baharu SMK Batu 5

Oleh **Nur Zuraida Lydia Zainal Abidin dan Nur Aqidah Noorsidan (5K3)**



EN. MOHD AZZAM AHMAD



CIK INTAN SABRINA

SMK Batu 5 telah menerima dua orang guru baharu bagi sesi persekolahan tahun 2013, iaitu En. Mohd Azzam Ahmad dan Cik Intan Sabrina Sabri.

En. Mohd Azzam Ahmad berasal dari Kepala Batas, Kedah. Beliau berkelulusan Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Sarjana Muda Teknologi Pendidikan. Sebelum ini, beliau mengajar di SMK Agama Igan, Mukah, Sarawak selama empat tahun. Beliau mengajarkan KHB dan PJK.

Cik Intan Sabrina Sabri ialah guru ganti yang mengambil alih tugas Pn. Shukriyah Syafie yang sedang cuti bersalin. Beliau tinggal di Taman Sejati Indah dan berasal dari Taiping, Perak. Beliau mengajarkan mata pelajaran KHB dan Ekonomi Rumah Tangga.

Semoga dengan kehadiran En. Mohd Azzam dan Cik Sabrina dapat meningkatkan prestasi akademik para pelajar SMK Batu 5.

Asrama SMK Batu 5 Terbakar!

Oleh **Mohamad Fakhri Mohd Fauzi (3A2)**

SMK Batu 5, 3 Januari – Blok asrama putera telah terbakar sehingga memaksa semua warga asrama bergegas meninggalkan kamar masing-masing untuk berkumpul di tempat selamat.

Kebakaran yang mula disedari pada pukul 11.35 malam dikatakan berpunca daripada litar pintas. Kebakaran dapat dikawal hasil tindakan pantas 4 anggota Unit Pemadam, Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat SMK Batu 5.

Mujurlah kejadian tersebut hanyalah suatu latihan dalam Kawad Kecemasan Kebakaran yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kawad Kecemasan Kebakaran sekolah. Kawad kecemasan kebakaran ini dikendalikan oleh 6 pegawai bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Guar Chempedak yang diketuai oleh PBK II, En. Alias Awang Kechik.

Kawad Kecemasan Kebakaran ini bertujuan untuk memberikan latihan kepada semua warga asrama tentang tatacara bertindak sekiranya berlaku kebakaran atau apa-apa kecemasan.